

**ANUGERAH
PIHAK BERKUASA TEMPATAN SABAH 2016**

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

**ANUGERAH KEBERSIHAN PBT 2016 – TANDAS BANGUNAN PEJABAT PBT
DAN TANDAS AWAM**

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN :

- 1.0 Penyertaan terbuka kepada semua PBT.
- 2.0 Tandas yang layak dipertandingkan adalah tandas dalam bangunan pejabat PBT dan 1 tandas awam di bawah kawal selia PBT.
- 3.0 Antara aspek yang dinilai adalah seperti berikut :-
 - 3.1 Kebersihan dan percahayaan tandas.
 - 3.2 Struktur tandas yang sempurna.
 - 3.3 Keadaan sanitasi tandas termasuk mangkuk tandas, besen mencuci tangan adalah bersih.
 - 3.4 Bekalan air yang mencukupi.
 - 3.5 Kemudahan yang mencukupi seperti tisu tandas, bidet, sabun dan lain-lain lagi.

ANUGERAH LANDSKAP PBT 2016 – TAMAN AWAM KAWASAN PERUMAHAN

Pertandingan ini dianjurkan bagi menggalakkan semua PBT agar menitikberatkan aspek keceriaan dan keindahan kawasan di bawah pentadbiran masing-masing terutama bagi taman awam di kawasan perumahan.

Berikut adalah fungsi penanam landskap lembut :

1. Perlindungan daripada iklim mikro

- a. Perlindungan dan teduhan (silira pokok memberi perlindungan dan teduhan kepada pengguna daripada hujan dan panas)
- b. Merendahkan suhu di kawasan bandar (Penanaman pokok mengurangkan iklim mikro sesebuah bandar)

2. Perlindungan alam sekitar

- a. Mengawal kesan bunyi bising dan asap (Penanaman pokok secara padat akan bertindak sebagai zon penampan daripada bunyi bising dan asap yang dihasilkan oleh kenderaan dan kawasan industri)
- b. Pencemaran habuk (Penanaman pokok akan berfungsi sebagai penyerap dan mengawal habuk daripada tersebar)
- c. Pencemaran udara (Penanaman pokok secara padat akan dapat mengurangkan pencemaran udara secara meluas)
- d. Sumber oksigen (Penanaman pokok secara padat merupakan sumber oksigen untuk pernafasan disamping penyerapan karbon dioksida)

3. Penanda dan penunjuk arah

- a. Bertindak sebagai pemisah sempadan
- b. Penunjuk persimpangan
- c. Penunjuk arah tuju

4. Penghadang

- a. Mengurangkan silau cahaya matahari (Membantu pengguna jalan raya daripada menerima cahaya terus silauan matahari)

- b. Mengawal silauan kenderaan dari arah berlawanan (Penanaman di pembahagi jalan akan mengurangkan silauan kenderaan yang bergerak dari kedua-dua hala)
- c. Menghadang pemandangan yang tidak menarik (Penanaman secara rapat berfungsi sebagai penghadang pemandangan di kawasan seperti setingan, kawasan pelupusan sampah & kubur)

5. **Ekologi dan kepelbagaian biologi**

Pemeliharaan landskap semulajadi yang baik akan mengekalkan sistem ekologi dan kepelbagaian biologi yang stabil dan dapat menyediakan habitat kepada kehidupan liar kecil.

6. **Estetika**

Ciri-ciri menarik pada tanaman memberikan kesan estetika kepada pemandangan secara keseluruhan, terutamanya di kawasan bandar.

7. **Peningkatan kualiti hidup dan taraf ekonomi**

Pembangunan landskap yang berkualiti merupakan asas penting sektor pelancongan yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Selain daripada itu ia juga mampu meningkatkan kualiti hidup masyarakat melalui peningkatan kesihatan dan sosial.

Manakala, fungsi landskap kejur umumnya :

Landskap kejur berfungsi untuk memberi kemudahan dan mewujudkan suasana persekitaran yang berfungsi dan selesa. Landskap kejur merujuk kepada unsur-unsur binaan. Contohnya seperti wakaf/gazebo, pegola, *bollard*, permukaan keras seperti konkrit, kerusi taman, laluan pejalan kaki, tempat sampah, papan tanda, lampu, arca-arca, meja taman dan sebagainya.

Penyertaan adalah terbuka kepada semua PBT di bawah KKTP.

SYARAT PENYERTAAN

PBT hendaklah menyediakan laporan lengkap mengenai landskap taman awam di kawasan perumahan yang hendak dicalonkan. Laporan sebanyak 2 salinan merangkumi maklumat :

- ⊙ Luas keseluruhan kawasan taman awam yang dicadangkan.
- ⊙ Gambar keadaan semasa cadangan (berwarna).
- ⊙ Jenis tanaman (*botanical name & common name*) dan jumlah tanaman.
- ⊙ Kos bagi pengindahan landskap.
- ⊙ Perolehan dana/peruntukkan pengindahan taman dan maklumat relevan yang berkaitan.
- ⊙ Taman awam kawasan perumahan yang dicadangkan hendaklah telah diserahtapak dan diselenggara oleh PBT.
- ⊙ Maklumat lain yang relevan.

ANUGERAH CIO PBT 2016

- 1.0 CIO agensi adalah Pegawai Eksekutif. Dokumen dirujuk :
 - (a) Surat lantikan CIO

- 2.0 Jawatankuasa ICT Agensi ditubuhkan dan dipengerusikan oleh CIO. Dokumen dirujukan :
 - (a) Fail jawatankuasa ICT

- 3.0 Jawatankuasa ICT Agensi bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun. Dokumen dirujuk :
 - (a) Fail JKICT Agensi

- 4.0 Tindakan yang selesai menunjukkan peratus yang tinggi melebihi 80%. Dokumen dirujuk:
 - (a) Minit Mesyuarat JKICT Agensi

- 5.0 Salah seorang ahli adalah daripada Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri. Dokumen dirujuk :
 - (a) Fail JKICT Agensi
 - (b) Surat/Emel jemputan mesyuarat

- 6.0 Keputusan mesyuarat CIO AKNS dibawa kepada perhatian pengurusan majlis daerah. Dokumen dirujuk :
 - (a) Minit mesyuarat pengurusan jabatan

- 7.0 Aktif dalam mesyuarat CIO AKNS. Dokumen dirujuk :
 - (a) Minit mesyuarat CIO AKNS

- 8.0 Peratus penggunaan aplikasi generik Kerajaan Negeri Sabah yang tinggi (melebihi 80%). Dokumen dirujuk :
 - (a) Laporan statistik penggunaan sistem aplikasi generik

- 9.0 Peratus penggunaan mel elektronik rasmi Kerajaan Negeri Sabah di kalangan kakitangan jabatan yang tinggi (melebihi 90%). Dokumen dirujuk :
 - (a) Laporan statistik penggunaan mel elektronik rasmi

- 10.0 Peratus penggunaan aplikasi khusus agensi yang tinggi. Dokumen dirujuk :
- (a) Laporan statistik penggunaan sistem aplikasi khusus agensi
- 11.0 Peratus kehadiran kakitangan ke Latihan ICT sama ada anjuran INSAN, INTAN atau JPKN yang tinggi. Dokumen dirujuk :
- (a) Laporan kehadiran latihan kakitangan
 - (b) Fail jawatankuasa latihan jabatan

ANUGERAH PBT INOVATIF 2016

1.0 Tahap Pelaksanaan

1.1 Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap pelaksanaan inovasi yang dihasilkan sama ada ia telah berjaya dilaksanakan sehingga ke peringkat berikut:

- (a) Secara Penuh (melempi peringkat percubaan)
- (b) Secara Percubaan (di peringkat prototaip)

2.0 Replicability

2.1 Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri replicability dan terdapat bukti inovasi boleh diguna pakai oleh agensi-agensi lain seperti berikut:

- (a) Boleh dilaksanakan secara terus di pelbagai tempat.
- (b) Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan dengan kos yang berpatutan.

3.0 Impak Kepada Pelanggan

3.1 Peningkatan tahap kepuasan pelanggan :-

- (a) Pengurangan dalam bilangan aduan pelanggan
- (b) Hasil kajian maklum balas pelanggan yang positif

4.0 Impak Kepada Stakeholder

4.1 Memenuhi ekspektasi Stakeholder dengan lebih efektif :

- (a) Keperluan stakeholder boleh dipenuhi dengan lebih cekap, cepat, tepat dan mudah
- (b) Peningkatan faedah kepada agensi

5.0 Outcome

5.1 Kriteria ini juga bertujuan untuk menilai sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri efisien iaitu yang dapat menyumbang kepada :

- (a) Penjimatan masa
- (b) Penjimatan kos
- (c) Penggunaan Sumber Manusia secara optimum
- (d) Mudah digunakan(user-friendly)

6.0 Komitmen Pengurusan Atasan

6.1 Komitmen dalam sumber manusia:

- (a) Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan percambahan inovasi di kalangan warga
- (b) Mengiktiraf warga yang menghasilkan inovasi

6.2 Komitmen dalam pengurusan kewangan:

- (a) Menggunakan bajet sedia ada dalam penghasilan inovasi.
- (b) Menilai inovasi mempunyai unsur value for money untuk pulangan yang optimum

6.3 Komitmen dalam peralatan:

- (a) Bantuan dari segi peralatan untuk menghasilkan inovasi

7.0 Amalan Baik (Benchmarking)

7.1 Jemputan untuk berkongsi penghasilan inovasi dengan agensi lain (dijadikan sebagai amalan baik)

8.0 Promosi (Hebahan)

8.1 Hebahan dibuat menggunakan kaedah-kaedah seperti berikut:

- (a) Suratkhobar;
- (b) Majalah/bulletin;
- (c) Taklimat/roadshow
- (d) Majlis/perhimpunan;
- (e) Radio;
- (f) Televisyen; dan
- (g) Jurnal